



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN VISUAL SEBAGAI MEDIA PROPAGANDA
SEWAKTU PENDUDUKAN JEPUN DAI NIPPON
DI MALAYSIA, 1942 -1945**

SAIFUL AKRAM BIN CHE COB@ AB GHAFAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2016**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengesan, menyelidik dan menganalisis peranan visual sebagai satu mekanisma dalam usaha penyebaran propaganda sewaktu pendudukan Jepun selama tiga tahun dan lapan bulan di Malaysia. Penyelidikan terhadap peranan visual yang bertemakan propaganda ini mengkaji ilustrasi lukisan, kartun, poster dan risalah yang tersiar pada majalah, akhbar, buku dan penerbitan umum sewaktu pendudukan Dai Nippon dari tahun 1942 hingga 1945. Kaedah penyelidikan kualitatif yang menggunakan pendekatan Sejarah Seni menjadi paradigma penyelidikan. Dokumentasi visual merupakan sumber utama bagi penganalisan data. Visual propaganda dianalisis secara kritis dan menyeluruh dengan menggunakan kaedah analisis formal dan kontekstual. Sebanyak 96 visual propaganda telah dikesan di sepanjang tempoh pendudukan. Namun, hanya 63 visual yang menepati kriteria Indikator Pemilihan Visual yang dibangunkan pada kerangka konseptual, dipilih untuk dianalisis. Hasil penyelidikan mendapati bahawa visual propaganda melalui tiga fasa yang integral bagi membincangkan peranannya dalam menyalurkan indoktrinasi bergambar kepada massa. Turut dibincangkan dalam hasil penyelidikan adalah peranan yang dimainkan oleh para propagandis visual yang menyokong doktrin romantik 'Asia untuk Asia', 'Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Timur Raya', kempen zaman '*Dai Toa Senso*' (Peperangan Besar Asia Timur Raya) dan sikap prejudis mereka kepada pihak imperialisme Anglo-Amerika. Secara keseluruhannya, dapatlah diperkatakan bahawa visual propaganda juga merupakan senjata peperangan '*non-militeris*', yang mempunyai daya tariknya tersendiri dalam mengkonsepsikan pemahaman serta penerimaan para pemerhati.





Abstract

This research intends to identify, investigate and analyze the role of visual as a mechanism in disseminating propaganda during the occupation of Japan that spans for three years and eight months in Malaysia. Research towards the role of propaganda themed visuals, studies illustrations, cartoons, posters and pamphlets that is distributed in magazines, newspapers, books and public media during the occupation of Dai Nippon from 1942 to 1945. A qualitative measure that involves art historical approach becomes the paradigm of this research. Visual documentation is used as a primary source in analyzing data. Propaganda visuals are critically analyzed using formal and contextual analysis. 96 propaganda visuals are encountered during the span of the occupation. Specific visual indicators, within a conceptual framework developed by the researcher, endorse 63 selected visuals with the purpose of analyzation. The findings indicate that propaganda visuals follow three integral phases that discuss its roles in propagating visual indoctrination to the mass media. Also discussed in this research are the roles that is played by visual propagandist that supports romantic doctrines such as 'Asia untuk Asia', 'Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Timur Raya', 'Dai Toa Senso' campaign (The Great East-Asian War) and animosity towards Anglo-American Imperialism. In general, it is believed that visual propaganda is used as tool of 'non-military' warfare that includes its own appeal in conceptualizing understanding and acceptance of the viewers.



PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI VISUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	2
					1.1 Latar Belakang Penyelidikan
					1.2 Latar Belakang Masalah
					1.3 Tujuan Penyelidikan
					1.4 Objektif Umum Penyelidikan
					1.5 Objektif Khusus Penyelidikan
					1.6 Persoalan Penyelidikan
					1.7 Signifikan Penyelidikan
					1.8 Skop Penyelidikan
					1.9 Kerangka Penyelidikan
					1.10 Batasan Penyelidikan
					1.11 Daftar Istilah Yang Digunakan
					1.12 Rumusan

2.1	Tradisi Teori-Teori	55
2.2	Propaganda	60
2.3	Visual Sebagai Media Propaganda	64
2.4	Kajian-Kajian Berkaitan	73
2.5	Propaganda Jepun Di Malaya Sepanjang Pendudukannya Dari Tahun 1942 Sehingga 1945	77
2.6	Rumusan	85

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendekatan Penyelidikan Dan Rasionalnya	87
3.2	Reka Bentuk Dan Paradigma Penyelidikan	89
3.3	Sampel Penyelidikan	91
3.4	Prosedur Dan Matriks Pengumpulan Data	94
3.5	Prosedur Analisis Data	98
3.6	Peranan Penyelidik	101
3.7	Etika Penyelidikan	102
3.8	Prosedur Kesahan Data	104
3.9	Rumusan	105

4.1	Akhbar Yang Menyiarkan Visual Propaganda (Dari Tahun 1942 Sehingga Tahun 1945)	109
4.2	Majalah Yang Menyiarkan Visual Propaganda (Dari Tahun 1942 Sehingga Tahun 1944)	283
4.3	Buku Yang Memaparkan Visual Peopaganda	377
4.4	Visual Propaganda Untuk Terbitan Umum	384
4.5	Rumusan	410

BAB 5 PERBINCANGAN DAPATAN

5.1	Perbincangan Dapatan Terhadap Analisis Visual Propaganda Pada Fasa Awal Pendudukan (Sepanjang Tahun 1942)	416
5.2	Perbincangan Dapatan Terhadap Analisis Visual Propaganda Pada Fasa Pertengahan Pendudukan (Fasa Kegemilangan, Sepanjang Tahun 1943 Sehingga Pertengahan Tahun 1944)	422
5.3	Perbincangan Dapatan Terhadap Analisis Visual Propaganda Pada Fasa Akhir Pendudukan (Fasa Kemerosotan, Penghujung Tahun 1944 Sehingga Pertengahan Tahun 1945)	439

BAB 6 KESIMPULAN DAN SARANAN

6.1	Kesimpulan	443
6.1	Saranan Kepada Penyelidikan Di Masa Hadapan	446
6.3	Rumusan Dan Penutup	448



RUJUKAN



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

450

LAMPIRAN



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Rajah	muka surat
1.1 Prinsip utama propaganda Jepun di Malaya	11
1.2 Kerangka Penyelidikan	35
1.3 Tema utama visual propaganda yang dihasilkan sewaktu Pendudukan Jepun (Dai Nippon) di Malaya, 1942-1945	37
1.4 Kerangka Konseptual Penyelidikan	42
2.1 Perbandingan di antara Teori Semiotik dan Semiologi, Ferdinand De Saussure dan Roland Barthes	58
2.2 Komponen persepsi visual dalam Teori Gestalt	59
2.3 Diagram “ <i>Volkgeist</i> ” yang dibangunkan oleh Ernest Gombrich	64
2.4 Konsepsi “Diri Sejati” (<i>The Pure Self</i>) dan “Kejahatan Yang Lain” (<i>The Demonic Others</i>) yang dibangunkan oleh John Dower (1986)	70
3.1 Matriks Pengumpulan Data	97
5.1 Fasa Pendudukan Jepun, Jenis Visual, Media, Propagandis, dan Domain Propaganda	415

Visual	muka surat
1.1 Poster Propaganda “Ein Volk, Ein Reich, Ein Fuhrer” (1939)	5
1.2 Poster “Safe Conduct Pas” (1950)	6
1.3 Poster Propaganda “If You Feed The Communist, Fierce Dog, They Will Bite You” (1951)	7
1.4 Risalah “Syarat-syarat menjadi Pejuang Mithali” (1954)	8
1.5 Peta Topografi Pendaratan dan Kemasukan Tentera Jepun ke Malaya daripada bulan Disember 1941 sehingga Januari 1942	9
4.1 Kartun “A New Order”, 31 Januari 1942	112
4.2 Kartun “Singapore Tuan Besar”, 31 Januari 1942	115
4.3 Kartun “U.S. Navy”, 18 Jun 1942	118
4.4 Kartun Perarakan Ulangtahun “Tentyo-Setsu”, 29 April 1942	125
4.5 Kartun “Open Theatre”, 2 Mei 1942	127
4.6 Kartun Tenaga Kerja Wanita, 30 Mei 1942	130
4.7 Ilustrasi yang menjadi sepanduk berita (news banner) Syonan Sinbun (Special Birth of Syonan Edition), 15 Februari 1943	132
4.8 Kartun “U.S. Fleet”, 25 Mac 1943	137
4.9 Kartun “Destination Never Reached”, 1 April 1943	141
4.10 Kartun “Chungking Plight”, 2 April 1943	144

4.11	Kartun “Not In Their Dictionary”, 8 April 1943	149
4.12	Kartun “Freedom For India”, 22 April 1943	152
4.13	Kartun “Europe First Policy”, 24 April 1943	158
4.14	Ilustrasi Perayaan “Tentyo-Setsu di Syonan”, 30 April 1943	160
4.15	Kartun “No Wonder Churchill is in Washington”, 14 Mei 1943	168
4.16	Kartun “Dismal Failure”, 18 Mei 1943	171
4.17	Kartun “Victory Illusion”, 10 Jun 1943	175
4.18	Kartun “Punching Churchill”, 26 Jun 1943	179
4.19	Kartun “Europe or Pacific?”, 31 Julai 1943	183
4.20	Kartun “A Fortified Europe”, 13 Ogos 1943	186
4.21	Kartun “Releases In Baffling Dribbles”, 13 Ogos 1943	190
4.22	Kartun “Distress at Sea”, 17 Ogos 1942	196
4.23	Kartun “British Imperialism”, 23 Ogos 1942	200
4.24	Kartun “Korewa Ikaga Desuka”, 4 September 1942	205
4.25	Kartun “The Long Arm Nippon”, 7 September 1942	210
4.26	Kartun “Anglo-Saxon Imperialism”, 9 September 1942	215
4.27	Poster “England Guilts”, 1939	220

4.28	Kartun “Doing Their Bit”, 4 Oktober 1942	221
4.29	Kartun “No Way To Escape”, 9 Oktober 1942	223
4.30	Kartun “They Are Growing More Food”, 11 Oktober 1942	227
4.31	Kartun “Call of The Sea”, 18 Oktober 1942	230
4.32	Kartun “Our Old Japanese Uncle Chatting”, 24 Oktober 1942	234
4.33	Kartun “If There’s A Wheel, There’s A Way”, 17 April 1943	247
4.34	Kartun “New Order In East Asia”, 19 April 1943	252
4.35	Kartun “Malai-Go For Nippon-Jin-An Object Lesson”, 24 April 1943	257
4.36	Kartun “The Balancing Act”, 28 April 1943	262
4.37	Kartun “Taiso No Respector of Person”, 17 Mei 1943	270
4.38	Kartun “Fighting On To Victory”, 15 Februari 1944	275
4.39	Visual Fotografi “Ulangtahun Ketiga Kelahiran Malai Baru”, 15 Februari 1945	280
4.40	Poster Semangat Asia Keluaran Pertama, Januari 1943	286
4.41	Kartun “Berkerjasama”, Januari 1943	293
4.42	Visual Fotografi pada halaman hadapan Semangat Asia, Mac 1943	298
4.43	Kartun “Dialog Inggeris-Amerika”, Mac 1943	302
4.44	Kartun “Lihatlah Hinomaru”, April 1943	305

4.45	Kartun “Menghadapi Maut”, April 1943	309
4.46	Visual Fotografi pada halaman hadapan Semangat Asia, Mei 1943	314
4.47	Kartun “Anjing dan Nippon-Go”, Mei 1943	318
4.48	Lukisan dan Sajak “Pemuda Malai”, Jun 1943	323
4.49	Kartun “Radio-Taiso”, Julai 1943	327
4.50	Lukisan “Kesenian Alam Minangkabau”, Julai 1943	331
4.51	Poster “Keluaran Khas Ulangtahun Kedua Peperangan Besar Asia Timur Raya (Dai Toa Senso)”, Januari 1944	335
4.52	Poster “Hiduplah Malai Baru”, Februari 1944	338
4.53	Halaman hadapan majalah “The Straits Times Annual Report Singapore”, 1939	344
4.54	Visual Fotografi pada halaman hadapan Fajar Asia, 25 Januari 1943	348
4.55	Visual Fotografi pada halaman hadapan Fajar Asia, 27 Mac 1943	351
4.56	Visual Fotografi pada halaman hadapan Fajar Asia, 13 April 1943	355
4.57	Visual Fotografi pada halaman hadapan Fajar Asia, 31 Mei 1943	358
4.58	Visual Fotografi pada halaman hadapan Fajar Asia, 28 Jun 1943	361
4.59	Visual Fotografi pada halaman hadapan Fajar Asia, 10 Julai 1943	363
4.60	Kartun “Meningkatkan Pengeluaran Makanan”, 2 Oktober 1942	369

4.61	Lukisan pada halaman hadapan Suara Timor, 27 Januari 1943	374
4.62	Lukisan pada halaman hadapan buku “Seminar Deklarasi Bersama Asia Timur Raya”, 1943	377
4.63	Ilustrasi pada halaman hadapan buku “Kesah Peperangan di Tanah Malai”, 15 Februari 1943	381
4.64	Ilustrasi “Japanese Airmen” yang turut disiarkan di Majalah Semangat Asia, Mac 1943	383
4.65	Poster “Belajarlah! Pakailah! Bahasa Nippon!”, 1943	386
4.66	Logo “Barisan Propaganda” menjadi simbol kepada setiap dokumentasi visual yang dikeluarkan oleh Jabatan Senden-Bu	387
4.67	Risalah “Make Fortune By Co-Operating With Japan”, 1943	390
4.68	Ilusi Komposisi “Piramid” pada ruangan reka letak	391
4.69	Poster Peringatan “Fight Till Anglo-Americans Are Finally Crushed”, 10 Mac 1943	395
4.70	Ilustrasi pada poster “Sambutan Hari Ulangtahun Maharaja (Tenno-Heika)”, April 1943	399
4.71	Poster “Perkawalan Malai”, 7 September 1943	403
4.72	Poster “Marilah Kita Mempertahankan Malai Dengan Tangan Sendiri”, 16 September 1943	401

INA	Indian National Army
KMM	Kesatuan Melayu Muda
LPM	Lembaga Penasihat Muslim
MAD	Military Administration Department
PKM	Parti Komunis Malaya

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Bab ini akan dibahagikan kepada dua belas (12) bahagian utama dan beberapa sub-bahagian bagi memberikan penjelasan secara spesifik terhadap penyelidikan yang dijalankan, permasalahan, tujuan, objektif, soalan, signifikan, skop, kerangka dan batasan yang menjadi pedoman kepada perjalanan penyelidikan ini. Bahagian tersebut diperincikan sebagaimana berikut; 1.1 Latar Belakang Penyelidikan, 1.2 Latar Belakang Masalah, 1.3 Tujuan Penyelidikan, 1.4 Objektif Umum Penyelidikan, 1.5 Objektif Khusus Penyelidikan, 1.6 Persoalan Penyelidikan, 1.7 Signifikan Penyelidikan, 1.8 Skop Penyelidikan, 1.9 Kerangka Penyelidikan, 1.10 Batasan Penyelidikan dan 1.11 Daftar Istilah Yang Digunakan.

Rumusan dibuat pada bahagian yang terakhir iaitu bahagian 1.12 sebagai reaksi, analisis dan kesimpulan terhadap perkara yang dibincangkan di setiap tahapan bahagian dan sub-bahagian.

1.1 LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

Perkembangan visual sebagai media dalam menyampaikan informasi, perakaman sesuatu peristiwa atau kejadian dan catatan harian telah dikesan kewujudannya di Malaya sejak abad ke-19 lagi. Ilustrasi yang dihasilkan oleh Abdullah Munsyi dalam buku Hikayat Abdullah (1849), merakamkan pengalaman di tempat beliau belajar dan juga beberapa peristiwa serta isu penting misalnya seperti ilustrasi ‘Usongan raja di-raja’, ‘Jenis-jenis hukuman’, ‘Ilustrasi pedang’ dan ‘Ilustrasi polong’ menjadi bukti wujudnya perkembangan ilustrasi sebagai salah satu sumber media di Malaya pada abad ke -19 (lihat Ahmad Suhaimi, 2007, lihat juga Talib Samat, 1992).

Visual memainkan peranannya yang tersendiri dalam menyalurkan sebarang bentuk maklumat secara bergambar. Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994) mentakrifkan ‘Peranan’ membawa maksud bahagian (dalam sandiwara, pekerjaan, tugas) yang dipegang manakala ‘Visual’ bererti hal berkenaan atau berdasarkan penglihatan, sesuatu yang dapat dilihat. Kesedaran terhadap perkembangan dan peranan visual sebagai salah satu saluran media dapat diterima oleh masyarakat di Malaya yang berbilang bangsa dan agama, walaupun terdapat polemik yang dibangkitkan oleh bangsa Melayu (majoritinya beragama Islam) mengenai larangan ‘menggambar’ yang dianggap tabu dalam agama Islam.

Namun, polemik ini dapat dirungkaikan melalui tulisan Syed Syeikh Al-Hadi dalam akhbar *Al-Ikhwān* bertarikh 16 April 1929, dimana beliau menyatakan bahawa visual amat berguna sebagai sumber perekodan persejarahan bagi kemajuan manusia sejak beribu-ribu tahun dahulu dan sesuatu visual (ilustrasi) dihasilkan bukan bertujuan untuk disembah (Ahmad Suhaimi, 2007).

Visual, selain berperanan sebagai media dalam penyampaian pelbagai informasi, turut menjadi media propaganda pihak tertentu dan juga sebagai pencetus kesedaran politik. Asal istilah propaganda tidak dapat ditentukan dengan tepat dan pasti bila kata ini pertama sekali mula digunakan, namun terdapat sumber yang menyatakan bahawa ia bermula pada sekitaran abad ke 17 (1622). Paus Gregory XV telah mendirikan sebuah organisasi yang diberi nama *Congregatio de Propaganda Fide*. Peranan organisasi ini adalah untuk menyebarkan agama dan doktrin Kristian Katholik kepada masyarakat non-Kristian di Eropah. Berdasarkan pengertian ini, propaganda bolehlah difahami sebagai sebuah organisasi yang bertujuan menyampai dan menyebarkan pesanan. Setelah tahun 1622, propaganda tidak hanya dirujuk sebagai sebuah organisasi, tetapi juga sebagai medium pesanan yang disebarkan oleh organisasi. Dalam pemaknaan yang lebih mendasar, pengertian propaganda juga berkaitan dengan teknik yang digunakan untuk menyampaikan informasi, pesanan dan saluran penyebaran dakwah. Berdasarkan tujuannya, propaganda juga bolehlah dilihat sebagai komunikasi yang ditujukan untuk menyebarkan tujuan yang diinginkan oleh pihak berkepentingan (biasanya bersifat subversif dan jahat) yang dilakukan dengan cara-cara yang berpengaruh (James E. Combs dan Dan Nimmo, 1994).

Istilah propaganda daripada sudut sejarahnya, didasari daripada perkataan Latin, *pro* yang membawa maksud ‘untuk’, manakala *paganda* ertinya ‘indoktrinasi minda’, khususnya pada golongan muda (Stromberg, 2010). Propaganda merujuk kepada satu strategi yang memanipulasi perasaan seseorang individu dan akhirnya menghasilkan satu daya emosi yang kuat. Propaganda telah digunakan sebagai jalan untuk mempengaruhi cara manusia berfikir. Dengan menggunakan sesetengah simbol, visual atau perkataan, ia mampu membuatkan seseorang individu merasa marah, simpati atau reaksi emosi yang lain. Propaganda yang baik telah banyak dihasilkan semasa sesuatu peperangan berlaku. Ia telah digunakan bagi membuatkan seseorang individu bersifat patriotik atau membina ketakutan (Addison, 2001).

Mengimbas kembali lipatan sejarah sewaktu era Perang Dunia Kedua (dari tahun 1941 sehingga tahun 1945), jawatan Menteri Propaganda telah diwujudkan oleh pemerintahan Reich Ke-3 Jerman di bawah pimpinan Adolf Hitler. Jawatan yang julung-julung kalinya diwujudkan di dalam sistem pentadbiran sesebuah negara telah disandang oleh Joseph Goebbels pada tahun 1933, sejurus setelah Hitler berkuasa. Jawatan ini wujud bertujuan untuk menjamin survival rejim Nazi melalui aktiviti manipulasi dan psikologi, baik secara literasi, kesusasteraan ataupun dalam bentukan visual (lihat Scott, 1994). Imej Hitler pada poster yang berjudul “*Ein Volk, Ein Reich, Ein Fuhrer*” (terjemahan; satu bangsa, satu empayar, satu pemimpin) yang diproduksi pada tahun 1939 atas arahan Goebbels merupakan poster propaganda yang begitu popular dan berkuasa yang pernah dikeluarkan oleh pemerintah Reich Ke-3.

Potret Hitler dalam posisi separuh badan, bercekak pinggang dan merenung jauh ke hadapan telah menghiasi dinding rumah, pejabat dan sekolah di seluruh Jerman, menggantikan lukisan dan catan keagamaan. Saran Hitler, sewaktu menuliskan komentar rasialis di dalam *'Mein Kampf'*:

“Seni propaganda adalah usaha untuk memaham dan menarik perhatian seterusnya dapat masuk ke dalam jiwa khalayak umum (great masses) melalui idea-idea emosional dan pendekatan psikologi yang amat berkesan.” (lihat Darman, 2011:58).



Visual 1.1 : Poster propaganda “Ein Volk, ein Reich, ein Führer” (1939)

Menyoroti sejarah penjajahan dan pentadbiran British di Tanah Melayu, visual propaganda telah banyak digunakan oleh pihak British dalam usaha melemahkan pergerakan bawah tanah Parti Komunis Malaya (PKM) sepanjang tempoh darurat daripada tahun 1948 sehingga tahun 1960. Visual digunakan sebagai saluran untuk memberi informasi kepada massa rakyat mengenai hal anti-komunisme, keganasan gerila komunis dan perjuangan mereka yang sia-sia.

Pihak British menggunakan saluran visual sebagai usaha membentasi aktiviti bawah tanah Parti Komunis Malaya (PKM) melalui mesej bergambar yang berupaya menarik perhatian masyarakat untuk menolak perjuangan bersenjata malahan turut melemahkan semangat pejuang komunis itu sendiri. Strategi British yang menawarkan jaminan keselamatan, makanan dan ubat-ubatan melalui poster yang dipaparkan pada visual 1.2 membawa mesej yang jelas kepada pejuang komunis bahawa perjuangan mereka sia-sia sahaja. Sekiranya mereka menyerah diri kepada pasukan keselamatan, nyawa dan kehidupan mereka akan lebih terjamin. Nyata, mesej propaganda melalui saluran visual sedikit sebanyak memberi kesan langsung kepada perjuangan bersenjata PKM (lihat C.C. Chin dan Karl Hack, 2004).



Visual 1.2 : Poster “Safe Conduct Pas” (1950)

Pihak British turut bertindak dengan bijak bagi melumpuhkan kegiatan PKM dengan menyekat bekalan makanan para gerila yang selama ini dibekalkan oleh para simpatisan yang dikenali sebagai organisasi *Min Yuen*. British melancarkan program penempatan baru (*New Village*) bagi menyekat sebarang aktiviti bantuan logistik kepada pihak gerila di belantara yang dinamakan dengan Rancangan Briggs.

Kawasan Putih dan Kawasan Hitam telah dikenal pasti dan penduduk dipindahkan secara intensif ke lokasi selamat (Kawasan Putih) yang di kawal ketat oleh pasukan tentera dan sukarelawan. Tujuannya adalah untuk menghalang pihak PKM mendapatkan sebarang bantuan daripada orang awam dan juga para simpatisan mereka. Bagi menjayakan usaha ini, visual propaganda turut menjadi medium penyampaian mesej kepada rakyat. Sebuah poster propaganda bertulisan Cina yang membawa mesej bertulis; *'sekiranya anda memberi makanan kepada gerila komunis, ia seperti anjing garang yang akan menggigit anda'*. Visual 1.3 memaparkan imej gerila komunis yang diumpamakan seperti seekor anjing yang lapar dan akan mengancam sesiapa sahaja (C.C. Chin dan Karl Hack, 2004).



Visual 1.3 : Poster Propaganda “If You Feed The Communists, Fierce Dogs, They Will Bite You” (1951)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebuah risalah yang bertajuk “Syarat-syarat Menjadi Pejuang Mithali” (1954)

memaparkan ilustrasi penuh sindiran yang meletakkan tujuh syarat untuk menjadi pejuang sejati (mithali) terhadap kader Komunis. Pertama, ada mata tetapi buta memberi pemaknaan tindak-tanduk (kecurangan dan kejahatan) pemimpin Komunis mereka tidak nampak. Telinga yang besar bermaksud sentiasa mendengar dan merisik rancangan musuh. Tidak ada mulut, bererti sanggup menahan lapar demi perjuangan. Dada lebar, tanda kebal dan tidak lut peluru. Tangan yang bulat, membawa makna ringan tulang membuat kerja yang sia-sia. Akhir sekali imej kaki berserta kasut but yang besar tanda boleh mengharungi pelbagai bentuk muka bumi yang mencabar di belantara (Zakaria Ali, 2011).



Visual 1.4 : Risalah “Syarat-syarat Menjadi Pejuang Mithali” (1954)

1.1.1 Pendudukan Jepun di Malaya

Pendaratan tentera Jepun di Malaya pada tanggal 8 Disember 1941 di Kota Bharu merakamkan satu lagi episod penjajahan Malaya kepada satu lagi kuasa asing. Kuasa tersebut pada kali ini datangnya dari timur, dari Benua Asia sendiri yang membawa slogan pembebasan ‘Asia untuk Asia’, ‘*Hakko Ichiu*’ dan doktrin romantik ‘Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Timur Raya’.

Penyerahan British kepada kuasa Jepun pada 15 Februari 1942 menandakan satu bentuk pemerintahan baru dan asing kepada penduduk Malaya. Kita banyak didedahkan dengan cara pemerintahan fasis, keras dan autokratik pentadbiran tentera Jepun (Dai Nippon) sepanjang 3 tahun 8 bulan pendudukannya di Malaya.



Visual 1.5: Peta topografi pendaratan dan kemasukan tentera Jepun ke Malaya daripada bulan Disember 1941 sehingga Januari 1942

Pihak Jepun seperti diketahui turut mengenakan kawalan ketat kepada kebebasan bersuara. Jabatan Propaganda (*Senden-Bu*) umumnya bertanggungjawab kepada sebaran maklumat dan propaganda untuk meraih sokongan penduduk Malaya kepada pemerintah Jepun (Md. Sidin Ahmad Ishak, 1998). Pada umumnya propaganda yang membawa isu kontroversial dan popular lebih mudah diterima oleh masyarakat (Robert K. Merton, 1957).

Berdasarkan pada pengertian ini, sistem propaganda dalam konteks pentadbiran Jepun

(Dai-Nippon) di Malaya merangkumi sistem organisasi, pesanan dan cara penyampaian maklumat yang bertujuan untuk mempengaruhi rakyat Malaya menyokong usaha dan cita-cita mereka. Salah satu pendekatannya adalah melalui penggunaan visual sebagai alat penyebaran dakwah dan usaha indoktrinasi.

Dalam sistem Pentadbiran Tentera Jepun di Malaya, propaganda merupakan antara bahagian yang penting dan integral. Bagi mencapai matlamatnya untuk menguasai hati dan fikiran rakyat, pihak Jepun berpegang kepada dua prinsip utama iaitu: bagaimana menarik hati rakyat (*Minshin Ha'aku*) dan bagaimana mengindoktrinasi dan menjinakkan mereka (*Senbu Kosaku*). Prinsip ini perlu dilaksanakan untuk memobilisasi massa rakyat untuk mendukung kepentingan perang

(Kempen *Dai Toa Senso*) dan untuk mengubah sistem berfikir mereka secara keseluruhan. Bersandarkan keyakinan bahawa Malaya perlu dibawa kepada pola tingkah laku dan sistem berfikir cara Jepun, propaganda dijalankan untuk mengindoktrinasi rakyat agar mereka menyokong doktrin 'Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Timur Raya', 'Lapan Benua di bawah Satu Bumbung' (*Hakko Ichiu*) dan kempen 'Orde Baru' (Kurasawa, 1987).